



IBU PEJABAT PERKESO
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
MENARA PERKESO

281, Jln Ampang
50538 Kuala Lumpur
No.Tel. : 03-42645000 No.Faks: 03-42567798
Laman Web: www.perkeso.gov.my emel: perkeso@perkeso.gov.my

Ruj.Kami : PKS/SIP/208/275/30 ()

Tarikh : 04 Mei 2020

Semua Pengarah / Pengurus

Majikan Yang Berdaftar Dengan PERKESO

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PERMOHONAN BAYARAN BALIK BANTUAN KEWANGAN PROGRAM SUBSIDI UPAH (PSU) / PROGRAM PENGEKALAN PEKERJAAN (ERP)

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Seperti mana Majikan sedia maklum bahawa Program Subsidi Upah (PSU) dan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) telah dilaksanakan oleh PERKESO bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Malaysia dalam usaha membantu Majikan yang terkesan akibat penularan Covid-19 bagi mengekalkan Pekerja mereka. Pembayaran bagi kedua-dua bantuan kewangan tersebut telahpun diterima oleh Majikan.

3. Namun begitu terdapat juga majikan yang ingin menarik diri dari meneruskan untuk menerima bantuan PSU/ERP ini dengan alasan yang difikirkan wajar dan PERKESO sebenarnya juga tiada sebarang halangan. Walau bagaimanapun, Majikan dikehendaki untuk membuat Bayaran Balik kesemua Bantuan Kewangan PSU/ERP yang telah diterima dibayar secara '**SEKALIGUS**' kepada PERKESO.

4. Prosedur Bayaran Balik Bantuan Kewangan adalah dinyatakan seperti di bawah:-

- i) Pembayar boleh menggunakan **perbankan internet** dari mana-mana bank.
- ii) Di ruangan '**Reference**': Sila masukkan perkataan **Bayaran Balik PSU atau Bayaran Balik ERP**.
- iii) Di ruangan **emel**: Sila masukkan sip.payment@perkeso.gov.my

iv) **Maklumat Akaun Penerima:**

- (1) Nama Penerima: **AKAUN NO 2 – AKAUN SIP BAYARAN**
- (2) No. Akaun Penerima: **5644 2751 5459**
- (3) Nama Bank: **MAYBANK BERHAD**

- v) Majikan hendaklah **mengemelkan kembali Resit/Slip Perbankan Internet** dan **Borang Persetujuan Bayaran Balik Bantuan PSU/ERP** ke alamat emel **sip.payment@perkeso.gov.my** bagi tujuan pemprosesan oleh PERKESO.

Sekian, terima kasih.

“Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara”

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Pejabat,

Sistem Insurans Pekerjaan

b.p: Ketua Pengarah

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL